

STANDARD INDUSTRI PEMBINAAN

(CONSTRUCTION INDUSTRY STANDARD)

CIS 3: 2005

**STANDARD PERUMAHAN KEBANGSAAN
BAGI PERUMAHAN KOS SEDERHANA RENDAH
SELAIN RUMAH PANGSA**

© Hak Cipta Terpelihara

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA
Agensi Penulisan Standard



**Lembaga Pembangunan
Industri Pembinaan Malaysia**

CONSTRUCTION INDUSTRY DEVELOPMENT BOARD MALAYSIA

Ibu Pejabat CIDB, Tingkat 7, Grand Seasons Avenue, No 72, Jalan Pahang 53000 Kuala Lumpur
P.O Box. 12278, 50772 Kuala Lumpur. Tel: 603-26170200 Fax: 603-40451808
<http://www.cidb.gov.my>

2.5 **Pencahayaan dan pengudaraan semulajadi**

Bilik-bilik kediaman yang disediakan dalam setiap unit hendaklah mendapat pencahayaan dan pengudaraan semulajadi melalui satu atau lebih tingkap yang mempunyai keluasan tidak kurang daripada 10 % keluasan lega lantai bilik tersebut dan hendaklah mempunyai ruang buka yang boleh membenarkan laluan udara secara bebas dan tidak terganggu tidak kurang daripada 5 % keluasan lega lantai bilik tersebut. Digalakkan supaya pengudaraan silang dapat merempuhi sekadar yang boleh ke keseluruhan bilik rumah dan dapat tembus daripada depan rumah sehingga bahagian belakang rumah atau sebaliknya.

2.6 **Ketinggian bilik**

Ketinggian dari lantai ke siling bilik/ruang dalam setiap unit kediaman hendaklah seperti berikut:

- a) **ruang tamu/makan dan bilik tidur** - ketinggian hendaklah tidak kurang daripada 2.8 m;
- b) **dapur** - ketinggian hendaklah tidak kurang daripada 2.4 m; dan
- c) **bilik mandi/tandas** - ketinggian hendaklah tidak kurang daripada 2.4 m.

2.7 **Dinding pemisah**

Dinding pemisah hendaklah dibina antara setiap unit dan setiap dinding pemisah hendaklah dibina 225 mm melebihi paras bumbung mengikut keperluan **Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984** dan keperluan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia termasuk pindaan terkini.

2.8 **Elemen struktur lain**

Semua elemen struktur seperti yang ditafsirkan dalam **Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984**, termasuk pindaan terkini.

2.9 **Tempoh minimum ketahanan api**

Bagi bahan binaan yang tidak termasuk dalam **Jadual Kesembilan (Tempoh Minimum Ketahanan Api)**, **Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984** (termasuk pindaan terkini), sijil pengesahan tempoh ketahanan api bagi bahan berkenaan yang diperakui oleh **Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia** hendaklah dikemukakan.

2.10 **Tangga-tangga**

Tangga-tangga yang disediakan hendaklah mempunyai lebar yang mencukupi dan menepati kehendak **Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984**, termasuk pindaan terkini bagi memudahkan pergerakan penghuni terutama semasa kecemasan.

2.11 **Jeriji keselamatan tingkap**

Sekiranya jeriji perlu dipasang di rumah kediaman, ianya hendaklah memenuhi kehendak-kehendak asas **Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia** yang digariskan seperti berikut:-

- a) jeriji yang dipasang hendaklah mempunyai ciri-ciri keselamatan yang mudah dibuka dari dalam;

Jawatankuasa Teknikal bagi Standard Perumahan Kebangsaan diwakili oleh:

Tn.Hj Rosly Zainal - Pengerusi	Jabatan Perumahan Negara
Pn. Mahani Ibrahim	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (Setiausaha)
Ir.M. Ramuseren	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
En Mustafa Yusof	Jabatan Perumahan Negara
Pn. Norlina Awang	Jabatan Perumahan Negara
En. Mohd Khairi Daud/En. Hussin Ab. Rahman	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (Negeri Selangor)
En. Razak Ahmad	Jabatan Kerajaan Tempatan
En. Mustapah Aris/ YM Raja Saiful Rizal Raja Jaafar	Jabatan Landskap Negara
En. Saifuddin Ahmad	Jabatan Perancang Bandar dan Desa
Ar. Ahmad Pauzi Jaafar	Persatuan Arkitek Malaysia
En. Ng Yean Shunn	Persatuan Kebangsaan Pembeli Rumah Malaysia
En. Tiah Toh Twin	Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia
Ir. Heng Aik Chan	Persatuan Pemborong Binaan Malaysia
En. Koris Atan	Persatuan Pengguna Malaysia
Ir. Toh Hock Choon	Persatuan Perunding Jurutera Malaysia
Prof. Madya Dr. Nooraini Yusoff	Universiti Teknologi Malaysia